

**NO. SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]**

**TARIKH : 27 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7899**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan operasi menangkap pendatang asing warga Sulu Filipina dan PATI Indonesia di Bandaraya Miri dan adakah pihak Kerajaan mempunyai cadangan untuk menempatkan lebih banyak asset Kerajaan bagi mengawal perairan masuk ke Miri?**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan akan terus memerangi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di seluruh negara termasuk warga Suluk Filipina dan Indonesia di Bandaraya Miri, Sarawak. Pada masa yang sama, Kerajaan juga mempunyai maklumat tertentu mengenai kehadiran orang Suluk dan Bajau di Sarawak melalui perkongsian maklumat pelbagai agensi yang ada seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kerajaan Tempatan dan sebagainya.**

**Kemasukan orang Suluk dan Bajau ini adalah sepetimana cara kemasukan PATI yang lain dengan pelbagai cara asalkan mereka dapat memasuki negara ini termasuk melalui laut, yang mana mereka adalah mahir mengenainya. Menurut sumber inteligen, terdapat seramai lebih kurang 500 orang Suluk/ Bajau berada di Miri, Sarawak.**

**Satu Ops Bersepadu yang melibatkan 12 agensi lain seperti PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pasukan Gerakan Am (PGA), RELA, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dan sebagainya telah dilakukan pada 19 Mac 2015. Hasil daripada itu, seramai 157 orang Suluk dan Bajau telah berjaya**

**ditangkap. Manakala satu lagi Ops Bersepadu pada 20 April 2015 pula berjaya menghasilkan tangkapan seramai 66 orang Suluk/ Bajau.**

**Pada masa yang sama, mulai Januari sehingga 8 Mei 2015, sebanyak 19 Ops Bersepadu dan 11 Ops Berkala telah dilaksanakan di Miri, Sarawak. Susulan daripada itu, Kerajaan Sarawak juga telah mengeluarkan arahan agar mereka ini diusir keluar daripada Sarawak.**

**Sebelum arahan ini dapat dilaksanakan dengan betul dan teratur, JIM telah merujuk kedudukan mereka kepada Kedutaan Filipina dan Indonesia untuk tujuan pengeluaran dokumen mereka.**

**Selepas itu, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak akan menguruskan pengusiran mereka daripada Sarawak dan butiran mereka direkod serta disenaraihitamkan.**

**Walaupun kedudukan geografi dan bentuk muka bumi Sarawak yang mempunyai sempadan yang panjang dan berjiran dengan Kalimantan, Indonesia serta berhutan tebal menyebabkan sukar untuk menentukan jumlah PATI yang berada di Sarawak, namun semua agensi Kerajaan akan terus menjalankan penguatkuasaan pembanterasan PATI di Bandaraya Miri.**

**Di samping itu, pihak APMM juga turut memberi perhatian serius dalam memantau dan mengawal pergerakan masuk laut dan perairan di Miri, Sarawak.**